

Perbandingan Panduan dan Peraturan Akademik dengan Kaedah UPSI (Perkara Akademik) 2008

Catatan : * warna biru – perubahan yang berlaku

| Panduan dan peraturan akademik | Kaedah UPSI (Perkara Akademik) 2008 |
|---|--|
| PEPERIKSAAN | |
| <p>1. Jadual Peperiksaan</p> <p>Pengumuman jadual peperiksaan akan dibuat oleh Universiti selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula. Kesilapan dalam mencatat dan membaca jadual peperiksaan tidak membolehkan peperiksaan lain diadakan sebagai gantinya.</p> | <p>1. Jadual Peperiksaan</p> <p>Pengumuman jadual peperiksaan akhir akan dibuat oleh Bahagian Akademik selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula. Kesilapan pelajar menyemak jadual peperiksaan tidak membolehkan peperiksaan ganti diadakan.</p> |
| <p>2. Penyemakan Jadual Peperiksaan</p> <p>Tempoh penyemakan adalah dalam masa tujuh (7) hari selepas jadual peperiksaan diumumkan.</p> | <p>2. Penyemakan Jadual Peperiksaan</p> <p>Tempoh penyemakan adalah dalam masa tujuh (7) hari selepas deraf jadual peperiksaan diumumkan pada minggu ke sepuluh (10). Sebarang pertembungan jadual, perlu dilaporkan oleh pelajar secara bertulis kepada Bahagian Akademik.</p> |
| <p>3. Slip Menduduki Peperiksaan</p> <p>Slip Menduduki Peperiksaan akan dikeluarkan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum peperiksaan bermula. Pelajar diwajibkan membawa slip peperiksaan ini ke dewan peperiksaan.</p> | <p>3. Slip Menduduki Peperiksaan</p> <p>Slip Menduduki Peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan/bilik peperiksaan. Pelajar diwajibkan mengambil slip berkenaan dari fakulti selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum minggu peperiksaan bermula.</p> |
| <p>4. Peraturan Peperiksaan</p> <p>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuatkuasa di Universiti.</p> | <p>4. Peraturan Peperiksaan</p> <p>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuat kuasa di universiti. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh universiti adalah tertakluk kepada Peraturan Am Peperiksaan seperti yang dinyatakan di <u>Jadual I</u> kepada kaedah-kaedah ini.</p> |

5. Kecurangan Akademik

5.1 Takrifan

Kecurangan Akademik ertinya tindakan-tindakan pelajar yang melanggar perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999 iaitu:

Tiada pelajar boleh :-

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor ; atau
- (b) menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya ; atau
- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau

5. Kecurangan Akademik

Pelajar tertakluk kepada Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

5.1 Laporan Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)

Jika didapati mana-mana pelajar melanggar mana-mana peraturan, pengawas/pemeriksa hendaklah membuat laporan kepada PBT. Jika didapati wujud kes kecurangan akademik, PBT bolehlah mengesyorkan kepada Senat supaya pihak tertuduh diberi Status KA (nilai gred 0.00). Bagaimanapun ini tidak menghalang PBT mengambil tindakan mengikut Perenggan 48 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

5.2 Tindakan bagi kes Kecurangan Akademik perlu dilakukan oleh pihak PBT dalam tempoh dua (2) minggu selepas peperiksaan tamat.

5.3 Tindakan Tatatertib Terhadap Pelajar Bersabit Kecurangan Akademik. Pelajar yang disabitkan kesalahan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib diberi Gred F atau GAGAL oleh Senat.

(d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan

** termasuk alat-alat elektronik dan komunikasi.*

5.2 Kecurangan akademik juga termasuk memplagiat kertas projek, latihan ilmiah dan tugas lain.

5.3 Laporan Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)

Jika didapati mana-mana pelajar melanggar mana-mana peraturan, pengawas/pemeriksa hendaklah membuat laporan kepada PBT. Jika terbukti sabit kesalahan di atas, PBT bolehlah mengesyorkan kepada Senat supaya pihak tertuduh diberi Gred F.

Walau bagaimanapun ini tidak menghalang PBT mengambil tindakan mengikut Perenggan 48 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

6. Keputusan Peperiksaan

Universiti boleh mengumumkan keputusan peperiksaan selepas Jawatankuasa Pemeriksa Universiti bersidang dan tertakluk kepada pengesahan Senat.

6. Keputusan Peperiksaan

Keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh Senat adalah muktamat.

7. Peperiksaan Gantian

7.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian bagi kes-kes berikut:-

Tertakluk kepada perenggan 16 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Peperiksaan) 2001, tiada seorang pelajar dibenarkan menduduki Peperiksaan Gantian melainkan jika:-

- (a) Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada doktor kerajaan atau pegawai perubatan Universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental atau fizikalnya ; atau
- (b) Pelajar yang menghadapi masalah kematian ibu atau bapa atau ahli keluarga terdekat atau sebab-sebab lain yang tidak memungkinkan dia menghadiri peperiksaan ; atau
- (c) Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti. Pelajar boleh menduduki peperiksaan gantiannya apabila peperiksaan kursus tersebut diadakan atau lebih awal jika difikirkan perlu.

7.2 Pelajar perlu memohon kepada fakulti untuk menduduki Peperiksaan Gantian.

7.3 Peperiksaan gantian perlu diambil dalam masa dua (2) minggu Selepas tamat minggu peperiksaan.

7. Peperiksaan Ulangan

Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Ulangan bagi kes-kes berikut :-

7.1 Pelajar yang tidak dapat hadir peperiksaan dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh Dekan.

7.2 Pelajar semester akhir yang gagal kursus pada semester berkenaan untuk tujuan pengijazahan.

7.3 Pelajar perlu memohon kepada fakulti untuk menduduki Peperiksaan Ulangan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

7.5 Peperiksaan Ulangan hanya boleh diduduki sekali sahaja. Sekiranya masih gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut.

7.6 Markah Peperiksaan Ulangan hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja.

| | |
|---|--|
| <p>8. Peperiksaan Khas</p> <p>8.1 Universiti boleh membenarkan pelajar semester akhir yang gagal satu (1) kursus untuk tujuan pengijazahan menduduki Peperiksaan Khas.</p> <p>8.2 Peperiksaan tersebut hanya boleh diduduki sekali sahaja dengan syarat pelajar mengemukakan permohonan kepada Bahagian Akademik dengan menyertakan slip bayaran RM 50.00 dalam tempoh empat (4) minggu selepas Universiti mengumumkan keputusan peperiksaan.</p> <p>8.3 Bahagian Akademik hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk mengatur Peperiksaan Khas.</p> | <p>8. Rayuan Semakan Keputusan Akhir Kursus</p> <p>8.1 Rayuan boleh dibuat kepada Bahagian Akademik menggunakan borang (UPSI/AKAD3/12) dalam tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.</p> <p>8.2 Setiap rayuan dikenakan bayaran RM25.00 bagi setiap kursus.</p> <p>8.3 Rayuan akan disemak oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Dekan dalam masa dua (2) minggu.</p> <p>8.4 Keputusan rayuan yang diluluskan Senat adalah muktamat.</p> |
| <p>9. Rayuan Keputusan Akhir Kursus</p> <p>9.1 Pelajar boleh mengemukakan rayuan menyemak semula keputusan peperiksaan akhir mana-mana kursus kepada Bahagian Akademik secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.</p> <p>9.2 Pelajar hendaklah menyertakan slip bayaran sebanyak RM25.00 bagi setiap kursus yang diminta disemak semula dari Universiti.</p> <p>9.3 Dekan hendaklah melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan peperiksaan akhir kursus berkenaan.</p> | <p>9. Rayuan Meneruskan Pengajian</p> <p>Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan boleh membuat rayuan kepada universiti melalui Fakulti secara bertulis dan tertakluk kepada keputusan Senat.</p> |

9.4 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pensyarah lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.

9.5 Panel pemeriksa hendaklah mengemukakan perakuannya bagi pertimbangan Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai rayuan semak semula itu dikemukakan untuk pengesahan Senat.

9.6 Keputusan Senat adalah muktamad.

10. Penilaian Akademik Secara Berterusan

10.1 Universiti menilai pelajar secara berterusan setiap semester yang meliputi :-

- a) kerja kursus iaitu tugas, ujian, kuiz, projek dan lain-lain yang ditetapkan oleh Fakulti ; dan/atau
- b) peperiksaan akhir.

10.2 a) Markah untuk kerja kursus adalah antara 40% hingga 60% manakala peperiksaan akhir 40% hingga 60% ; atau

- b) Pemberatan markah untuk kerja amali adalah antara 60% hingga 100%, manakala peperiksaan akhir ialah sehingga 40%.

10. Penilaian Akademik Secara Berterusan

10.1 Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus, tugas, kuiz, projek dan lain-lain tugas yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.

10.2 Keputusan pentaksiran perlu dipaparkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu ketiga belas (13).

10.3 Pelajar wajib hadir setiap kuliah, kelas, tutorial, makmal, studio dan sebagainya. Kehadiran yang kurang daripada 80% akan menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir. Ketidakhadiran hendaklah mempunyai sebab atau alasan yang diterima Dekan.

11. Penilaian Gred Kursus

Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut :-

Jadual 1: Penilaian Gred Kursus

| Julat Markah | Gred | Nilai Gred | Taraf |
|-------------------------------|---------------|----------------------|-------------|
| 80 – 100 75 – 79 | A A- | 4.00 3.70 | Cemerlang |
| 70 – 74 65 – 69 60 – 64 | B+ B B- | 3.40 3.00 2.70 | Kepujian |
| 55 – 59 50 – 54 | C+ C | 2.40 2.00 | Lulus |
| 45 – 49 40 – 44 35 – 39 | C- D+ D | 1.70 1.40 1.00 | Lulus Lemah |
| 0 – 34 | F | 0.00 | Gagal |

11. Penilaian Gred Kursus

11.1 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut :-

Jadual 3: Penilaian Gred Kursus

| Julat Markah | Gred | Nilai Gred |
|-------------------------------|---------------|----------------------|
| 80 – 100 75 – 79 | A A- | 4.00 3.75 |
| 70 – 74 65 – 69 60 – 64 | B+ B B- | 3.50 3.00 2.75 |
| 55 – 59 50 – 54 45 – 49 | C+ C C- | 2.50 2.00 1.75 |
| 40 – 44 35 – 39 | D+ D | 1.50 1.00 |
| 0 – 34 | F | 0.00 |

Catatan :

Gred F juga diberikan kepada pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan, tidak hadir peperiksaan atau melakukan Kecurangan Akademik.

11.2 Deskripsi status keputusan peperiksaan:

| | | |
|----|---|--|
| L | : | Lulus |
| PK | : | Pengecualian Kredit |
| TL | : | Tidak Lengkap |
| SM | : | Sedang Maju |
| U | : | Audit |
| TH | : | Tidak Hadir Peperiksaan Dengan Kebenaran |
| TK | : | Tidak Hadir Peperiksaan Tanpa Kebenaran |
| KA | : | Kecurangan Akademik. |

Nota : Bagi status TK dan KA akan diberi nilai gred 0.00 dan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.

12. Penilaian Tanpa Nilai Gred

Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan Nilai Gred :-

L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "lulus" atau "kandas" sahaja.

TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan Fakulti kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang

12. Penilaian Tanpa Nilai Gred

Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK :-

L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "lulus" atau "gagal" sahaja.

TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua

| | |
|--|---|
| <p>munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya empat (4) minggu selepas tamat semester berkenaan dengan kebenaran Dekan Fakulti.</p> <p>SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.</p> <p>U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan menghadiri kursus serta memenuhi syarat audit.</p> <p>TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran Universiti di antara minggu ke-5 hingga ke-10 sesuatu semester.</p> | <p>(2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan bagi semester berkenaan dengan kebenaran Dekan. Fakulti perlu menyerahkan markah kepada Bahagian Akademik dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar menyelesaikan dan menghantar tugas.</p> <p>SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.</p> <p>U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan menghadiri kursus serta memenuhi syarat audit.</p> |
| <p>13. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)</p> <p>Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).</p> <p>Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-</p> | <p>13. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)</p> <p>Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).</p> <p>13.1 Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-</p> <p>PNGS = <u>Jumlah Nilai Gred Satu Semester</u></p> |

$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Kredit yang Diambil Pada Semua Semester}}$$

Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Kredit yang Diambil Pada Semua Semester}}$$

13.2 Kaedah pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti [Jadual II](#)

14. Syarat-Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

14.1 Status Lulus

Seseorang pelajar adalah Lulus (L) dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih

14. Syarat-Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan prestasi akademiknya pada setiap semester berkenaan dan statusnya pada semester sebelumnya. Status pelajar diklasifikasikan berdasarkan purata nilai gred. Ringkasan Status seperti dalam jadual di bawah :-

Jadual 4 : Status Pemberhentian

| PNGK | Status | |
|--------------|---------------|-----------------------|
| | 1 Kali | 2 Kali Berturut-turut |
| 2.00 Ke Atas | Lulus | Lulus |
| 1.70 – 1.99 | Amaran | Percubaan |
| 1.00 – 1.69 | Percubaan | Diberhentikan |
| Bawah 1.00 | Diberhentikan | |

14.1 Status Lulus

Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.

14.2 Status Lulus Bersyarat

Seseorang pelajar adalah Lulus Bersyarat (LB) dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.70 hingga 1.99 dan berada pada status Lulus pada semester yang baru lalu.

14.3 Status Mengulang Semester

Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 dan berada pada status Lulus (L) pada semester yang baru lalu, ia dibenarkan Mengulang Semester (MS). Senat akan mengeluarkan arahan khusus kepada pelajar berkenaan, termasuk pemansuhan semua kursus semester semasa dan syarat mengulangi kursus-kursus tertentu.

14.4 Status Gagal dan Diberhentikan

Seseorang pelajar adalah Gagal dan diberhentikan jika :-

- (a) mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau
- (b) mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dan berada dalam status LB atau MS pada semester yang baru lalu.

14.2 Status Amaran

Pelajar yang memperoleh PNGK di bawah 1.70 – 1.99 akan diberi status Amaran. Status Amaran akan bertukar kepada status Percubaan jika pelajar gagal mendapat PNGK 2.00 pada akhir semester status Amaran itu.

14.3 Status Percubaan

Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 dan berada pada status Lulus (L) pada semester yang baru lalu, pelajar akan diberi status Percubaan. Pelajar status Percubaan akan diberhentikan mengikut penetapan Senat jika gagal mendapat PNGK 2.00 atau lebih untuk semester status Percubaan itu.

14.4 Status Diberhentikan

Seseorang pelajar adalah Gagal dan Diberhentikan jika :-

- (a) mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau
- (b) mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dan berada dalam status Percubaan pada semester yang baru lalu.

Ringkasan Status seperti dalam jadual di bawah :-

Jadual 2 : Status Pengajian

| PNGK | Status | |
|--------------|--------------------|-----------------------|
| | 1Kali | 2 Kali Berturut-turut |
| 2.00 Ke Atas | Lulus | Lulus |
| 1.70 – 1.99 | Lulus Bersyarat | Gagal Diberhentikan |
| 1.00 – 1.69 | Mengulang Semester | Gagal Diberhentikan |
| Bawah 1.00 | Gagal Berhenti | |

15. Senarai Dekan

Senarai Dekan akan diberi kepada pelajar yang mendapat PNGS 3.50 – 4.00 bagi semester berkenaan.

15. Senarai Dekan

- 15.1 Pelajar yang memperoleh PNGS 3.50 - 4.00 bagi semester berkenaan berdasarkan jumlah dua belas (12) kredit.
- 15.2 Pelajar tidak pernah disabitkan tindakan tatatertib.

16. Program Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling

Pelajar diwajibkan menjalani latihan mengajar dan praktikum kaunseling dalam tempoh yang ditetapkan.